

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 3 / 2012**

=====

**PEMBERIMILIKAN TANAH BAGI TAPAK KEAGAMAAN DAN
KEMASYARAKATAN ISLAM DI NEGERI SELANGOR KEPADA
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR SECARA WAKAF IRSOD**

1. TUJUAN

Pekelliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah mengenai dasar pelupusan tanah secara pemberimilikan di bawah seksyen 76 Kanun Tanah Negara, 1965 (KTN) untuk tapak keagamaan dan kemasyarakatan Islam seperti Masjid, Surau, Kawasan Perkuburan Islam, Institusi Pendidikan Islam, Pusat Perlindungan, Rumah Kebajikan Masyarakat Islam Dan Pusat Latihan di Negeri Selangor kepada Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) secara Wakaf Irsod.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Kerajaan Negeri Selangor melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor yang bersidang pada 11 Oktober 1973 telah menetapkan dasar bahawa tapak keagamaan dan kemasyarakatan Islam seperti Masjid, Surau Dan Madrasah

dilupuskan secara perizaban di bawah seksyen 62 KTN dan diletakkan di bawah kawalan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

- 2.2 Selaras dengan peranan MAIS di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 sebagai pemegang amanah tunggal bagi wakaf, nazr am dan segala jenis amanah khairat bagi faedah orang Islam dan juga bagi Masjid, MAIS telah mencadangkan pelaksanaan Wakaf Irsod di Negeri Selangor bertujuan memudahkan pengurusan harta dan manfaat umat Islam mengikut Hukum Syarak.
- 2.3 Menurut subseksyen 9 (2) Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 1999 (Enakmen No. 7, 1999), Wakaf Irsod adalah merupakan tanah yang diwakafkan oleh mana-mana perbadanan, institusi, pertubuhan atau badan-badan lain menurut Hukum Syarak. Jabatan Mufti Negeri Selangor telah memberikan pandangan bahawa Kerajaan Negeri Selangor adalah merupakan sebuah badan dalam pengertian "Wakaf Irsod", oleh yang demikian bolehlah atas nama dan sifatnya mewujudkan sesuatu tapak bagi tujuan Wakaf Irsod.
- 2.4 Selaras dengan perkenan Duli Yang Maha Mulia (D.Y.M.M) Sultan Selangor dan berdasarkan Cabutan Daripada Keputusan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor yang diadakan pada 2 Januari 2008 (MMK ke 1/2008), cadangan pelaksanaan wakaf Irsod melalui pelupusan

Bil. (9) dlm. PTGS/CR01/00/2000 Jld.7

tanah secara pemberimilikan di bawah seksyen 76 KTN oleh Pihak Berkuasa Negeri Selangor kepada MAIS telah diluluskan.

2.5 Selanjutnya berdasarkan Cabutan Daripada Keputusan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor yang diadakan pada 20 Mei 2009 (MMK ke 16/2009) dan disahkan oleh pada 27 Mei 2009 (MMK ke 17/2009), pengenaan premium dan cukai tanah pada kadar nominal dan secara token bagi semua hartanah MAIS telah diluluskan.

2.6 Berdasarkan surat Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor bertarikh 27 Ogos 2012 yang menyatakan titah D.Y.M.M Sultan Selangor agar tindakan serta merta diambil bagi memastikan dokumen hakmilik tanah bagi tapak keagamaan Islam yang ditentukan dalam pembangunan tanah berimilik setelah pelan susunatur diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dikeluarkan kepada MAIS.

3. PELAKSANAAN WAKAF IRSOD

3.1 Peruntukan Undang-Undang Berkaitan

3.1.1 Subseksyen 9(2) (a) Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 1999 (Enakmen No.7, 1999)

“ *wakaf irsod*” ertinya sesuatu tanah yang diwakafkan oleh mana-mana perbadanan, institusi, pertubuhan atau badan-badan lain menurut Hukum Syarak.”

3.1.2 Seksyen 89 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 (Enakmen No. 1, 2003)

“ *Walau apa pun apa-apa peruntukan yang berlawanan yang terkandung dalam mana-mana suratcara atau pengisytiharan yang mewujudkan mengawal, atau menyentuh perkara ini, Majlis hendaklah pemegang amanah yang tunggal –*

(a) *semua wakaf, sama ada wakaf am atau wakaf khas ;*

(b) *semua nazr ; dan*

(c) *segala jenis amanah yang mewujudkan apa-apa amanah khairat bagi menyokong dan memajukan Agama Islam atau bagi faedah orang-orang Islam mengikut Hukum Syarak bagi apa-apa harta yang tersentuh oleh wakaf, nazr am atau amanah itu dan terletak di dalam Negeri Selangor”.*

3.1.3 Seksyen 90 Enakmen No. 1, 2003

“*Semua harta yang tertakluk kepada seksyen 89 hendaklah tanpa apa-apa pindah hak atau pindah hakmilik, dan, dalam hal harta tak alih sebaik sahaja didaftarkan di bawah undang-undang bertulis*

berhubungan dengan tanah, terletak hak pada Majlis, bagi maksud wakaf, nazr am atau amanah yang menyentuh harta itu.”

3.2 Kaedah Wakaf Irsod

3.2.1 MAIS telah mengenalpasti kegunaan tapak untuk Wakaf Irsod adalah seperti berikut –

Tapak keagamaan

Masjid, Surau, Kawasan Perkuburan Islam atau seumpamanya.

Tapak kemasyarakatan

Sekolah Agama / Madrasah / Maahad Tahfiz (Institusi Pendidikan Islam), Kompleks Pentadbiran Agama Islam, Pusat Latihan, Tapak Manfaat Masjid / Surau, Pusat Perlindungan, Rumah Kebajikan Masyarakat Islam atau seumpamanya.

4. **KAEDAH, SYARAT KELULUSAN, BAYARAN YANG DIKENAKAN DAN PELAKSANAAN**

4.1 **Kaedah**

4.1.1 Tanah Kerajaan yang dikenalpasti untuk diwakafkan sebagai Wakaf Irsod bagi tujuan keagamaan atau kemasyarakatan Islam yang masih belum diluluskan untuk diwartakan di bawah seksyen 62 KTN hendaklah dipohon oleh MAIS untuk dilupuskan secara pemberimilikan tanah.

4.1.2 Bagi tanah Kerajaan yang telah diluluskan tetapi belum diwartakan di bawah seksyen tersebut, pihak MAIS boleh menarik balik permohonan, manakala bagi tanah yang telah diwartakan di bawah seksyen tersebut, MAIS hendaklah mengemukakan permohonan pembatalan warta di bawah seksyen 64 KTN kepada Pentadbir Tanah Daerah (PTD) untuk kelulusan Pihak Berkuasa Negeri Selangor (PBN) / Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor.

4.1.3 Bagi tapak yang ditentukan untuk keagamaan atau kemasyarakatan Islam dalam tanah bermilik untuk diserahkan kepada Kerajaan, hakmilik akan dikeluarkan kepada MAIS secara Wakaf Irsod.

4.2 Syarat Kelulusan

Jenis hakmilik	:	Geran , Geran Mukim (mana berkenaan)
Jenis suratan Hakmilik	:	Pejabat Pendaftar , Pejabat Tanah (mana berkenaan)
Tempoh	:	Selama-lamanya
Pemilik	:	Majlis Agama Islam Selangor (Wakaf Irsod)
Keluasan	:	Mengikut luas dalam pelan pra-hitungan /pelan akui /syit piawai
Kategori	:	Bangunan , Tiada (kawasan perkuburan Islam) (mana berkenaan) Masjid, Surau, Kawasan Perkuburan Islam, Institusi Pendidikan Islam, Kompleks Pentadbiran Agama Islam, Pusat

Syarat Nyata : Latihan, Tapak Manfaat
Masjid/Surau, Rumah Kebajikan,
Pusat Perlindungan dan lain-lain
(mana berkenaan)

Sekatan

Kepentingan : 1. Tanah ini hendaklah digunakan
semata-mata untuk kegunaan
Islam.
2. Sekiranya bermaksud untuk
kegunaan yang lain hendaklah
terlebih dahulu mendapat
kelulusan Jawatankuasa
Fatwa Negeri dan Pihak
Berkuasa Negeri untuk
kegunaan yang lain.

4.3 Bayaran Yang Dikenakan

Premium : Tapak Bangunan Keagamaan
RM 1.00 setiap lot

Tapak Bangunan Kemasyarakatan
RM 10.00 setiap lot

Cukai Tanah : Tapak Bangunan Keagamaan
dikecualikan

Tapak Bangunan Kemasyarakatan
RM 1.00 setiap lot

Bayaran ukur dan lain-lain bayaran (mana berkenaan) dikenakan mengikut kadar yang telah ditetapkan.

4.4 Pelaksanaan

4.4.1 Bagi tapak yang dikenalpasti untuk Wakaf Irsod yang merupakan tanah Kerajaan yang belum diwartakan di bawah seksyen 62 KTN, MAIS akan mengemukakan Borang Permohonan Tanah Kerajaan (Borang Jadual I), Kaedah-Kaedah Tanah Selangor, 2003 (KTS) beserta pelan permohonan (Pelan Pra-Hitungan / Pelan Akui / Syit Piawai) dan bayaran yang ditetapkan kepada PTD yang berkenaan,

4.4.2 Selanjutnya PTD akan mengemukakan kertas ringkasan kepada Pengarah Tanah dan Galian Selangor (PTGS) untuk kelulusan PBN mengikut perenggan 4.2 dan 4.3 di atas.

4.4.3 Setelah kelulusan diperolehi dan bayaran yang dikenakan telah dibayar, Pendaftar Hakmilik atau PTD (mana berkenaan) hendaklah mendaftarkan dan mengeluarkan dokumen hakmilik tanah bagi tapak berkenaan mengikut

syarat kelulusan dan selanjutnya MAIS akan merekodkan tapak berkenaan sebagai harta wakaf selaras dengan seksyen 6, Enakmen No. 7, 1999.

4.4.4 Sekiranya berlaku perubahan tujuan wakaf seperti syarat nyata yang telah ditentukan dalam dokumen hakmilik tanah, MAIS hendaklah mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Wakaf Negeri Selangor dan PBN bagi memastikan maksud wakaf bagi tapak tersebut terpelihara.

4.4.5 Bagi tapak yang ditentukan untuk kegunaan Wakaf Irsod khususnya tapak keagamaan Islam dalam tanah bermilik yang perlu diserahkan kepada Kerajaan, PTD hendaklah memastikan MAIS mengemukakan Borang Jadual I, KTS beserta pelan permohonan (Pelan Pra-Hitungan / Pelan Akui / Syit Piawai) dan bayaran yang ditetapkan sebelum dokumen hakmilik tanah didaftarkan dan dikeluarkan kepada MAIS.

5. TARIKH KUAT KUASA DAN PEMAKAIAN

5.1 Pelaksanaan arahan dalam Pekeliling ini berkuat kuasa serta merta.

Bil. (9) dlm. PTGS/CR01/00/2000 Jld.7

5.2 Mana-mana peruntukan bertulis, Pekeliling dan Arahan PTGS yang sedang berkuat kuasa adalah tertakluk kepada Pekeliling ini, antaranya seperti berikut –

- a. Pekeliling PTGS Bil. 5 Tahun 1973 (berkaitan dengan Agama Islam sahaja) adalah dibatalkan;
- b. Pekeliling PTGS Bil. 2 Tahun 2003 adalah dibatalkan;
- c. Pekeliling PTGS Bil. 4 Tahun 2011 (perenggan 3.11) adalah dibatalkan.


(KAMARULZAMAN BIN JAMIL)

Pengarah Tanah dan Galian
Negeri Selangor Darul Ehsan.

Bertarikh:

4/9/2012